

07/07/1999

Prasarana terbaik Telekom di MSC

TELEKOM Malaysia Bhd (Telekom Malaysia) yakin dapat memenuhi Bil Jaminan 10 Perkara MSC berkaitan telekomunikasi, iaitu prasarana bertaraf dunia dan tarif yang kompetitif kepada syarikat yang beroperasi di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Ketua Eksekutifnya, Datuk Mohamed Said Mohamed Ali, berkata mengikut Bil Jaminan itu, Telekom Malaysia diamanahkan kerajaan bagi menyediakan prasarana telekomunikasi terbaik kepada syarikat MSC dan dalam masa yang sama turut menawarkan tarif yang dianggap murah berbanding negara lain.

"Oleh kerana komitmen tinggi kepada Bil Jaminan itu, Telekom Malaysia bersedia dikenakan penalti kepada mana-mana perkhidmatan yang sudah dijanjikan tidak dapat dipenuhi," katanya di Cyberjaya, minggu lalu.

Menurutnya, pembukaaan Pusat Telekomunikasi Telekom Malaysia (TMCC) di Cyberjaya akan menjadi tulang belakang keseluruhan sistem telekomunikasi di MSC.

"TMCC yang dilengkapi pelbagai prasarana komunikasi termaju berupaya menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia kepada syarikat berstatus MSC.

"Pusat ini mampu memenuhi keperluan pengguna di MSC yang inginkan perkhidmatan telekomunikasi tercanggih," katanya.

Antara nadi sistem telekomunikasi di MSC yang dikawal di TMCC ialah talian ISDN dan PSTN dengan keupayaan 15,000 talian dan boleh dipertingkatkan ke lebih 80,000 talian mengikut keperluan penduduk di MSC.

Selain itu, loop tambahan turut disediakan sebagai sokongan kepada nadi sistem telekomunikasi MSC melalui teknik Hiraki Digital Sinkronous (SDH) melalui Cyberjaya, Putrajaya dan memasuki sistem telekomunikasi di Lembah Klang.

Bagi sistem penghantaran, kelajuan permulaan penghantaran data ialah 2.5Gb sesaat dan boleh dipertingkatkan ke 10 Gb sesaat mengikut teknik SDH dan berdasarkan permintaan pada masa depan.

Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan sistem komunikasi jalur lebar berkelajuan tinggi dan platform sistem rangkaian bersepadu, Telekom Malaysia memasang Mod Pertukaran Asinkronous (ATM) bagi menyokong MSC.

ATM ini turut dihubungkan kepada suis utama ATM di Brickfields dan Pusat Telekomunikasi di Jalan Raja Chulan dengan keupayaan permulaan 5 Gb sesaat.

Pengguna Internet pula dapat menikmati perkhidmatan bertaraf dunia apabila pemasangan nod yang dapat memenuhi penggunaan talian dail, ISDN, talian suwa dan capaian berkelajuan tinggi memanfaatkan Talian Pelanggan Digital Asimetrik (ADSL) yang menggunakan wayar tembaga biasa.

Mohamed Said berkata, pusat yang menempatkan semua kelengkapan telekomunikasi untuk zon perdana Cyberjaya itu turut berfungsi mengawasi sebarang kegagalan rangkaian tempatan, termasuk kabel gentian optik.

"Talian gentian optik menjadi komponen penting pembangunan MSC, terutama di Cyberjaya, bagi memenuhi keperluan telekomunikasi berkeupayaan tinggi oleh syarikat yang beroperasi di sini," katanya.

Pemasangan sistem fiber di Cyberjaya berdasarkan antaramuka V5.2 dan dapat melaksanakan pelbagai perkhidmatan hanya menggunakan sistem tunggal gentian optik.

Ketika ini, lima sistem gentian optik sudah dipasang di Universiti Multimedia, Cyberview Gardens, Cyberview Lodge dan kompleks NTT MSC.

Bangunan TMCC yang dibina dengan belanja RM15 juta di atas tanah seluas satu hektar dan berhampiran Universiti Multimedia telah dirasmikan oleh

Menteri Tenaga Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie Isnin minggu lepas.

Bandar raya pintar Cyberjaya, dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok sempena persidangan Panel Penasihat Antarabangsa MSC (IAP).

Pengurus Besar Bahagian MSC & Projek Mega Telekom Malaysia, Datuk Mohd Taib Hassan, berkata perkhidmatan itu selain disediakan untuk syarikat berstatus MSC turut diberikan bagi kegunaan perniagaan dan kediaman berhampiran kawasan pertumbuhan MSC.

Komitmen Telekom kepada projek MSC sangat besar berdasarkan unjuran pelaburan keseluruhan projek berkenaan berjumlah RM2.2 bilion bagi tempoh 1998 hingga tahun 2006.

Katanya, dengan komitmen itu, Telekom akan menempatkan 1,000 kakitangannya di Cyberjaya untuk menyokong perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan MSC.

"Komitmen Telekom kepada projek MSC sangat besar yang mana ini terlihat dengan unjuran pelaburan keseluruhan dalam projek berkenaan berjumlah RM2.2 bilion bagi tempoh 1998 hingga tahun 2006," katanya.

Mohd Taib berkata, Telekom dengan komitmennya itu juga akan turut menempatkan 1,000 kakitangannya di Cyberjaya untuk menyokong perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan projek MSC.

(END)